



## [THE INVOLVEMENT OF HIDAYAH CENTRE FOUNDATION (HCF) AND COVID-19 ASSISTANCE TO THE NEW MUSLIMS IN SABAH]

### PENGLIBATAN DAN SUMBANGAN BANTUAN COVID-19 HIDAYAH CENTRE FOUNDATION (HCF) KEPADA SAUDARA BARU

SURAYA SINTANG<sup>1\*</sup>

KHAIDIJAH MOHD. KHAMBALI @ HAMBALI<sup>1</sup>

KEIGHLEY LLOYD AL-GANIYY K. DIAZ<sup>1</sup>

HABIBAH ARTINI RAMLI<sup>1</sup>

SAIFUL AZRY MOKHTAR<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

\*Corresponding author: suraya@ums.edu.my

Received Date: 30 January 2021 • Accepted Date: 30 April 2021

#### **Abstract**

*This paper discusses the involvement of the Hidayah Center Foundation (HCF) and the contribution of Covid-19 assistance to the new Muslim converts in Sabah, particularly in the interior division of Sabah. HCF is one of the NGOs (Non-Governmental Organization) established as a support centre to carry out volunteer activities and look after the welfare for the new Muslims. As one of the religion-based NGOs (NGO-A), the HCF has long been involved in the distribution of basic necessities and their involvement has been increasingly active throughout to the Movement Control Order (PKP) of the effects of the Covid-19 pandemic. This paper focuses on the involvement and contribution of HCF in improving the welfare, economy and upbringing of new converts as well as programs to clear up non-Muslim misconceptions about Islam. This effort has been carried out through the Ziarah Saudara baru program, Kupi-Kupi and economic capital assistance to the new Muslims in several areas and districts in Sabah. Data collection involved interviews with HCF leadership representatives at seven HCF branches in Sabah to explain their involvement in the activities carried out and the focus areas targeted for assistance to the new Muslims. This study is based on a descriptive analysis of interview information and review of the HCF annual report (2014-2019) as well as online activities on social media to explain the activities and contributions of HCF assistance to the new Muslims in Sabah. The study found that the efforts made by HCFs involved in the mission “Spread Islam, Assist New Muslims” has had a positive impact on individuals and families of new Muslims in facing difficulties in obtaining basic food and financial problems during MCO. The impact of the study found that the program to help new Muslims as a result of the Covid-19 pandemic is an urgent need and should be continued through the involvement of various parties. Through the noble efforts of HCF who are directly involved with the new Muslims, then their involvement in carrying out this social responsibility can improve the social well-being of the new Muslims in the interior of Sabah.*

**Keywords:** Hidayah Centre Foundation, pandemic Covid-19, New Muslim converts, interior division of Sabah.

## Abstrak

Makalah ini membincangkan penglibatan Hidayah Centre Foundation (HCF) dan sumbangan bantuan Covid-19 kepada saudara baru di Sabah khususnya di kawasan pedalaman. HCF merupakan antara NGO (Non-Governmental Organisation) yang ditubuhkan sebagai pusat sokongan untuk menjalankan aktiviti kesukarelawanan dan menjaga kebajikan saudara baru. Sebagai salah satu NGO berdasarkan agama [NGO(A)], HCF telah sekian lama terlibat dalam memberi agihan bantuan keperluan asas, dan penglibatan mereka semakin aktif sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kesan pandemik Covid-19. Makalah ini memfokuskan penglibatan dan sumbangan HCF dalam meningkatkan kebajikan, ekonomi dan tarbiah saudara baru serta program menjernihkan kesalahfahaman bukan Muslim terhadap Islam. Usaha ini dilakukan melalui program Ziarah Saudara baru, Kupi-Kupi dan bantuan modal ekonomi kepada saudara baru di beberapa kawasan dan daerah di Sabah. Pengumpulan data melibatkan temu bual bersama wakil kepimpinan HCF di tujuh cawangan HCF di Sabah bagi menjelaskan penglibatan mereka dalam aktiviti yang dijalankan dan kawasan tumpuan yang menjadi sasaran bantuan kepada saudara baru. Kajian ini diolah berdasarkan analisis deskriptif daripada maklumat temu bual dan penelitian laporan tahunan HCF (tahun 2014-2019) serta aktiviti atas talian di media sosial bagi menjelaskan kegiatan dan sumbangan bantuan HCF kepada saudara baru di Sabah. Kajian mendapati usaha yang dilakukan oleh HCF yang terlibat dalam misi “Sampaikan Islam, Santuni Saudara baru” telah memberi kesan positif kepada individu dan keluarga saudara baru dalam menghadapi kesukaran mendapatkan makanan asas dan masalah kewangan sepanjang PKP. Impak kajian mendapati program menyantuni saudara baru akibat pandemik Covid-19 merupakan satu keperluan mendesak dan wajar diteruskan melalui penglibatan pelbagai pihak. Melalui usaha murni HCF yang terlibat secara langsung dengan saudara baru, maka penglibatan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sosial ini dapat meningkatkan kesejahteraan sosial golongan saudara baru di pedalaman Sabah.

**Kata kunci:** Hidayah Centre Foundation, pandemik Covid-19, Saudara baru, pedalaman Sabah

**Cite as:** Suraya Sintang, Khadijah Mohd. Khambali @Hambali, Keighley Lloyd Al-Ganiyy K. Diaz, Habibah Artini Ramli & Saiful Azry Mokhtar. Penglibatan Dan Sumbangan Bantuan Covid-19 Hidayah Centre Foundation (Hcf) Kepada Saudara Baru. 2021. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22 (1): 15-26.

## PENGENALAN

Hidayah Centre Foundation (HCF) merupakan salah satu badan bukan kerajaan (NGO) yang menjalankan aktiviti kesukarelawanan dan ditubuhkan khusus sebagai pusat sokongan menjaga kebajikan saudara baru. Bermotukan “Sampaikan Islam, Santuni Saudara baru” secara jelas menggambarkan peranan HCF yang memfokuskan aktiviti dan capaian objektifnya kepada komuniti saudara baru bagi memenuhi keperluan saudara baru dalam pelbagai aspek kebajikan, kewangan, bimbingan dan perlindungan sementara. Hidayah Centre (HC) mula ditubuhkan tahun 2005, namun pada 29 Februari 2012 HC telah didaftarkan secara rasmi di bawah Biro Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri sebagai Hidayah Centre Foundation (HCF). Sungguhpun terdapat pelbagai pertubuhan sukarelawan atau non-governmental organisation (NGO) lain yang berkecimpung dalam hal ehwal kebajikan saudara baru seperti ialah Multiracial Reverted Muslim (MRM) (Bro. Firdaus), Haluan Fitrah (Dr. Jamaluddin James Laeng Abdullah); Sahabat (En. Abu Bakar Jitom); Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM); Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA); Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA), HCF di bawah kepimpinan Tn. Hj. Nicholas

Sylvester mempunyai kekuatan dan kelainan tersendiri dalam mengendali aktiviti dan program mendekati dan memenuhi keperluan saudara baru di pedalaman Sabah.

Isu kebajikan saudara baru merupakan salah satu agenda utama yang perlu ditangani oleh NGO kerana majoriti mereka yang memeluk Islam ini adalah dalam kalangan golongan yang berpendapatan rendah sama ada warganegara mahupun warga asing (James Laeng@Jamaluddin & Yusman, 2014). Demikian juga dengan isu pengurusan saudara baru merupakan isu yang perlu dititikberatkan kerana peningkatan jumlah saudara baru saban tahun. Isu pengurusan saudara baru ini memerlukan jaringan kerjasama antara agensi kerajaan yang berautoriti menjaga hal ehwal saudara baru dengan NGO bagi memenuhi keperluan spiritual dan material saudara baru di Malaysia (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Selain itu, permasalahan double marginality yang dihadapi saudara baru yang berdepan dengan dilema untuk mengekalkan hubungan harmoni dengan keluarga bukan Islam dan mengintegrasikan diri dengan komuniti Muslim (Suraya & Khadijah, 2018), merupakan antara keperluan sosial yang menuntut keprihatinan NGO agar saudara baru tidak borseorangan dalam menghadapi cabaran selepas memeluk Islam. Sistem sokongan amat penting bagi saudara baru kerana mereka yang terlibat dalam pertukaran agama berdepan dengan pelbagai bentuk cabaran minda, emosi, budaya dan kepercayaan (Khadijah et al., 2017). Tentunya, perubahan besar ini memerlukan sokongan padu daripada Muslim asal dan salah satu daripada sistem sokongan bagi saudara baru adalah melalui sokongan NGO.

Makalah ini membincangkan program menyantuni golongan sasar dari kalangan saudara baru yang dijalankan oleh HCF Sabah yang merupakan NGO Islam yang bergiat aktif dalam aktiviti kesukarelawanan dalam memberikan sumbangan bantuan keperluan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kesan pandemik Covid-19 di kawasan pedalaman Sabah. Perbincangan makalah ini memfokuskan penglibatan dan peranan HCF sebagai pusat sokongan dalam meningkatkan kebajikan, ekonomi serta menjernihkan kesalahfahaman terhadap Islam. Usaha ini dilakukan melalui program Ziarah Saudara baru, Kupi-Kupi dan bantuan modal ekonomi kepada saudara baru di beberapa kawasan di pedalaman Sabah.

## **SAUDARA BARU DI MALAYSIA**

Masyarakat Islam di Malaysia mengenali saudara baru dengan pelbagai panggilan atau istilah seperti ‘Saudara kita’, ‘Saudara Muslim’ atau ‘*Mualaf*’. Istilah ini digunakan bagi menandakan seseorang itu baru memeluk agama Islam di mana dengan cara ini, panggilan atau gelaran tersebut dapat menggalakkan saudara seIslam yang lain dapat meningkatkan tali persaudaraan dan kasih sayang dengan mereka. Menurut Khadijah Mohd. Khambali et al. (2017) yang memerihalkan maksud istilah *Mualaf* adalah mereka yang dijinak atau didamaikan hatinya. *Mualaf* juga dijelaskan sebagai individu yang diambil perhatiannya agar memeluk Islam atau memperkuatkan keIslamannya, dan lazimnya dirujuk Saudara baru atau Saudara kita. Istilah *Mualaf* disebut sekali dalam al-Quran dalam surah *al-Taubah* (9: 60) yang menjelaskan *Mualaf* mempunyai bahagian dalam pemberian zakat. Perspektif Islam turut menjelaskan peranan Tuhan dalam menjinakkan hati seseorang memeluk Islam melalui faktor hidayah sama ada melalui proses kajian (*personal investigation*) mahupun melalui hubungan inter-personal (persahabatan, perkahwinan, persaudaraan) (Suraya & Khadijah, 2014). Dalam kalangan penutur Inggeris Muslim, Haifa Jawad (2006) menjelaskan istilah ‘*revert*’ digunakan bagi memberi pengertian kepada individu yang memeluk Islam atas dasar seorang Muslim itu kembali semula kepada fitrah dan keadaan semula jadi dirinya dilahirkan (Suraya & Khadijah, 2014).

Istilah ‘*muhajir*’ turut diperkenalkan bagi menambahkan beberapa pengistilan tentang saudara baru. Dalam hal ini, Khadijah et al. (2017) menjelaskan ‘*muhajir*’ merupakan satu istilah baru yang dilihat selaras dengan usaha pembangunan diri yang lebih baik ke arah jalan yang diredayai Allah dan senada dengan prinsip hijrah Rasulullah SAW. Menurut Khadijah et al. (2017), istilah ‘*muhajir*’ dilihat lebih sesuai berbanding Saudara baru atau Saudara kita yang melantunkan beraneka maksud sehingga mencetuskan polemik dalam kalangan masyarakat majmuk. Kesesuaian istilah ‘*muhajir*’ untuk disandarkan kepada saudara baru ini dilihat selari dengan peranan masyarakat Muslim asal yang diumpamakan sebagai masyarakat Ansar yang wajar memberikan sokongan padu kepada *muhajir* agar mereka terus kekal positif sebagai penjana toleransi dalam hubungan umat beragama. Cadangan yang dilontarkan ini sememangnya bersesuaian dalam konteks membudayakan hubungan harmoni antara tiga pihak iaitu, Muslim asal–*Muhajir*-Bukan Muslim kerana penggunaan istilah tersebut menonjolkan peranan besar saudara baru sebagai tali penghubung antara dua pihak (Muslim dan Bukan Muslim). Tali penghubung ini dapat ditonjolkan melalui peranan mereka sebagai ‘mediator budaya’ bagi memperjelaskan atau menjernihkan kesalahfahaman Islam kepada ahli keluarga saudara baru yang masih belum memeluk Islam (bukan Muslim.)

Perspektif psikologi agama menjelaskan saudara baru yang terlibat dalam konversi agama merupakan individu yang mengalami pemutusan muktamad identiti kepercayaan masa lalu yang berlawanan dengan beberapa aspek yang diyakini benar pada masa kini. Individu ini juga terlibat dalam *reorientation of the soul* atau perpindahan ke alam atau dunia lain. Perpindahan yang dimaksudkan ialah perpindahan dalaman yang bersifat spiritual yang melibatkan keyakinan dan kepercayaan, iaitu hasil berlakunya pertukaran kepercayaan tunjang (*core beliefs*) yang kemudiannya dimanifestasikan dalam bentuk tingkah laku. Pertukaran agama adalah satu proses dinamik yang melibatkan pelbagai perubahan. Terdapat tiga jenis perubahan iaitu perubahan tradisi kepercayaan dan amalan keagamaan; perubahan terhadap transformasi pemikiran, perasaan dan tindakan dan peralihan kepada transedensi agama baru yang menuntut perubahan sudut pandang (Suraya & Khadijah, 2014).

Penduduk Islam di Malaysia tidak lagi hanya tertumpu kepada etnik Melayu semata-mata, tetapi kini telah berkembang dan dianuti oleh etnik lain seperti Cina (Tionghua), India, orang asli di Semenanjung Malaysia serta orang asal atau peribumi Sabah dan Sarawak. Bahkan kehadiran warga asing khususnya dari negara jiran yang serumpun meningkatkan lagi kepelbagaiannya penduduk Islam di Malaysia. Komposisi penduduk ini turut mengambil kira jumlah saudara baru. Berdasarkan rekod Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah terkumpul saudara baru di Malaysia sehingga tahun 2012 seramai 106,747 orang (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Sementara itu di Sabah, berdasarkan laporan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, daripada tahun 2000-2019, bilangan saudara baru ialah seramai 26,161 orang. Kajian Suraya et al. (2018) menyatakan negeri Sabah mencatatkan bilangan tertinggi saudara baru di Malaysia di mana jumlah terkumpul daripada tahun 1990 hingga 2004 ialah 18,296 berbanding Sarawak 13,564 orang. Jumlah ini mengatasi negeri-negeri lain yang bilangannya hanya berjumlah antara kira-kira 3000-5000 orang. Peningkatan bilangan saudara baru ini telah membentuk komuniti saudara baru di beberapa kawasan pedalaman Sabah. Situasi ini telah menyumbang kepada senario baru di Sabah apabila agama Islam tidak hanya menjadi anutan masyarakat Muslim asal (*born Muslim*) yang tinggal di kawasan pantai timur dan pantai barat Sabah tetapi Islam turut menjadi agama yang dianuti bersama oleh kumpulan etnik peribumi Sabah yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah (Suraya et al., 2018).

Daerah/Tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Banggi	3	2	1	0	2	9	9	5	12	13	15	9	8	13	28	8	11	18	5	18
Beaufort	17	24	26	30	37	37	33	37	51	36	43	42	26	35	32	22	29	14	17	18
Keningau	40	35	50	47	131	144	185	118	131	122	130	131	120	114	113	79	96	112	77	91
Kinabatangan	11	9	2	3	5	12	7	19	26	16	11	15	6	5	10	14	9	10	7	3
Kota Belud	35	60	27	51	60	74	73	75	72	53	36	36	53	43	26	33	22	25	11	28
Kota Kinabalu	151	180	188	231	457	488	441	456	422	476	494	434	506	478	454	409	423	410	395	413
Kota Marudu	83	29	50	81	109	85	89	98	80	65	69	74	65	60	67	33	46	54	62	53
Kuala Penyu	4	4	5	3	8	3	4	10	4	4	12	4	5	6	0	3	2	4	2	5
Kudat	16	15	31	22	62	35	39	53	48	26	31	30	23	17	15	11	10	33	11	24
Kunak	7	8	13	7	12	13	9	14	11	6	14	10	14	9	6	5	5	7	3	7
Labuk & Sugut/Beluran	51	45	38	19	44	105	206	172	77	74	46	46	37	40	34	14	21	26	18	22
Lahad Datu	29	45	37	49	65	65	78	52	64	48	80	48	44	31	42	28	26	30	47	52
Lain-lain	20	26	45	40	10	1	2	1	3	2	0	0	0	1	4	0	0	0	0	0
Matunggong	7	3	7	7	6	14	7	20	13	16	7	17	7	10	13	6	1	6	5	6
Membakut	8	1	4	8	8	11	13	28	9	9	15	11	8	8	7	6	14	4	4	4
Menumbok	0	0	0	0	3	1	2	4	0	0	5	0	1	1	1	1	0	1	0	0
Nabawan/Pensiangan	21	39	30	44	59	21	39	24	28	38	17	13	19	24	14	12	9	21	21	18
Papar	6	7	9	12	26	22	40	35	23	25	37	28	35	43	26	18	43	18	20	30
Penampang	4	13	13	12	12	18	0	24	24	16	17	14	14	8	3	4	1	0	2	0
Pitas	14	20	12	23	28	21	7	23	24	23	35	28	32	25	26	14	26	29	13	27
Putatan	0	2	0	0	0	1	17	0	0	1	0	0	0	0	2	9	6	1	4	3
Ranau	52	48	35	46	89	129	92	94	97	73	74	65	95	59	65	43	37	54	56	36
Sandakan	29	38	19	26	57	115	121	99	95	82	111	73	90	57	67	64	68	74	47	52
Semporna	7	4	15	26	31	15	9	10	15	7	12	12	11	4	8	17	10	8	4	3
Sipitang	15	13	12	22	16	18	19	34	12	24	26	28	21	18	13	10	15	16	6	17
Soos	8	1	1	5	7	11	9	8	9	9	10	7	6	9	11	14	4	10	11	10
Tambunan	5	5	7	7	18	6	20	15	22	21	15	15	18	10	9	6	6	11	11	14
Tamparuli	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	10	16	15	6	6	3
Tawau	46	59	59	57	104	63	82	64	81	73	79	76	66	75	74	79	79	47	56	52
Telupid	7	4	10	12	4	9	17	6	15	12	2	4	5	3	4	7	1	1	4	2
Tenom	8	26	15	21	20	21	50	45	71	27	45	44	40	34	23	26	28	142	22	20
Tongod	0	0	1	0	0	2	0	0	2	2	1	3	1	1	1	3	2	1	2	2
Tuaran	9	11	8	13	52	63	52	46	56	58	76	60	53	67	27	30	23	36	31	30
Tungku	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	4	0	3	3	2	0	4
Jumlah	900	1001	1046	1147	1577	1636	1771	1690	1597	1457	1565	1378	1432	1313	1235	1047	1091	1231	980	1067
Jumlah Keseluruhan																			26161	

Daerah/Tahun																				
Banggi	3	2	1	0	2	9	9	5	1	2	1	1	9	8	1	2	8	1	1	18
Beaufort	17	2	2	3	3	3	3	3	5	3	4	4	2	3	3	2	2	1	1	18
Keningau	40	3	5	4	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	7	9	1	7	91
Kinabatangan	11	9	2	3	5	1	2	7	1	2	1	1	1	6	5	1	1	0	7	3
Kota Belud	35	6	2	5	6	7	7	7	7	5	3	3	5	4	2	3	2	2	1	28
Kota Kinabalu	151	1	8	3	5	8	4	5	2	7	9	3	0	7	5	0	2	1	9	413
Kota Marudu	83	2	5	8	1	0	5	9	8	0	6	6	7	6	6	3	4	5	6	53
Kuala Penyu	4	4	5	3	8	3	4	1	0	4	4	1	2	4	5	6	0	2	2	5
Kudat	16	1	3	2	6	3	3	5	4	2	3	3	2	1	1	1	1	3	1	24
Kunak	7	8	1	7	1	1	9	4	1	1	6	4	0	4	1	9	6	5	7	7
Labuk & Sugut/Beluran	51	4	3	1	4	0	5	6	2	1	7	7	4	6	3	4	1	2	1	22
Lahad Datu	29	4	3	4	6	6	7	5	6	4	8	8	4	4	3	4	2	2	3	52
Lain-lain	20	2	4	4	1	1	2	1	3	2	0	0	0	1	4	0	0	0	0	0

Matunggong	7	3	7	7	6	1 4	7	2 0	1 3	1 6	7	1 7	7	1 0	1 3	6	1	6	5	6	
Membakut	8	1	4	8	8	1 1	1 3	2 8	9	9	1 5	1 1	8	8	7	6	1 4	4	4	4	
Menumbok	0	0	0	0	3	1	2	4	0	0	5	0	1	1	1	0	1	0	0	0	
Nabawan/Pensian gan	21	3 9	3 0	4 4	5 9	2 1	3 9	2 4	2 8	3 8	1 7	1 3	1 9	1 4	2 4	1 2	9 1	2 1	2 1	18	
Papar	6	7	9	1 2	2	2 6	4 2	3 0	2 5	2 3	2 5	2 7	3 8	2 5	3 3	4 6	2 8	1 3	4 8	1 0	30
Penampang	4	1 3	1 3	1 2	1	1 8	0	2 4	2 4	1 6	1 7	1 4	1 4	8	3	4	1	0	2	0	
Pitas	14	2 0	1 2	2	2 3	2 8	1	7	2 3	2 4	2 3	2 5	2 8	2 2	2 5	2 6	1 4	2 6	2 9	1 3	27
Putatan	0	2	0	0	0	1	1 7	0	0	1	0	0	0	0	0	2	9	6	1	4	3
Ranau	52	4 8	3 5	4 6	8 9	1 2 9	9 2	9 4	9 7	7 3	7 4	6 5	9 5	5 9	6 5	4 3	3 7	5 4	5 6	36	
Sandakan	29	3 8	1 9	2 6	5 7	1 1 5	1 2	9 9	9 5	8 2	1 1	7 3	9 0	5 7	6 7	6 4	6 8	7 4	4 7	52	
Semporna	7	4	1 5	2 6	3 1	1 5	9	1 0	1 5	7	1 2	1 2	1 1	4	8	1 7	1 0	8	4	3	
Sipitang	15	1 3	1 2	2 2	1 6	1 8	1 9	3 4	1 2	2 4	2 6	2 8	2 1	1 8	1 3	1 0	1 5	1 6	1 6	17	
Sook	8	1	1	5	7	1 1	9	8	9	9	1 0	7	6	9	1 1	1 4	4	1 0	1 1	10	
Tambunan	5	5	7	7	1 8	6	2 0	1 5	2	2 1	1 5	1 5	1 8	0	9	6	6	1 1	1 1	14	
Tamaruli	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	1 0	1 6	1 5	6	6	3	
Tawau	46	5 9	5 9	5 7	1 4	6 3	8 2	6 4	8 1	7 3	7 9	7 6	6 6	7 5	7 4	7 9	7 7	4 7	5 6	52	
Telupid	7	4	1 0	1 2	4	9	1 7	6	1 5	1 2	2	4	5	3	4	7	1	1	4	2	
Tenom	8	2 6	1 5	2 1	2 0	2 1	5 0	4 5	7 1	2 7	4 5	4 4	4 0	3 4	2 3	2 6	2 8	1 4	2 2	20	
Tongod	0	0	1	0	0	2	0	0	2	2	1	3	1	1	1	3	2	1	2	2	
Tuaran	9	1 1	8 3	1 2	5 3	6 2	5 6	4 6	5 6	5 8	7 6	6 0	5 3	6 7	2 7	3 0	2 3	3 6	3 1	30	
Tungku	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	4	0	3	3	2	0	
Jumlah	<b>900</b>				<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>9</b>	<b>106</b>	
Jumlah Keseluruhan	<b>26161</b>																				

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) tahun 2020

Meskipun begitu, di sebalik bilangan saudara baru yang agak besar, ia turut diselangi dengan isu-isu yang meruncing yang mengaitkan mereka dengan perkara negatif seperti isu kemiskinan, mendapatkan bantuan NGO bukan Islam dan isu permohonan keluar daripada agama Islam. Permasalahan ini timbul lazimnya disebabkan faktor penceraian, kurang bimbingan dalam memahami Islam dan dibuang keluarga sehingga hilang tempat bergantung (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Masalah lain ialah kesukaran menyesuaikan diri dengan cara hidup baru, tanggapan sebagai ‘kelas kedua’, pertikaian niat memilih Islam, pertukaran nama asal kepada nama Muslim, mengharapkan wang zakat sehingga menimbulkan kekecewaan saudara baru yang masih dalam proses menjadi Muslim sejati (practising Muslim) (Khadijah et al., 2017) dan dilema dalam mengekalkan hubungan dengan keluarga asal dan penerimaan Muslim terhadap mereka (Suraya & Khadijah, 2018). Selain masalah peribadi, permasalahan tadbir urus dan cabaran undang-undang juga dihadapi oleh

saudara baru dalam isu yang berkaitan dengan peruntukan undang-undang pemelukan Islam bagi anak yang belum mencapai umur lapan belas tahun (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018) serta isu perebutan jenazah dan kehilangan hak tuntutan harta pusaka (Khadijah et al., 2017). Permasalahan saudara baru turut menjadi tumpuan penelitian dalam media Islam di beberapa majalah (Al-Islam, Dakwah, Cahaya dan Ummi) kerana dugaan dan cabaran yang mereka hadapi mampu menimbulkan keterharuan dan keinsafan pembaca terhadap kepayahan mereka memeluk Islam berbanding masyarakat yang sedia lahir dalam Islam (Nor Raudah, 2015). Atas faktor kerencaman masalah yang dihadapi saudara baru inilah, maka penglibatan NGO amat diperlukan. Ini kerana permasalahan saudara baru sedikit sebanyak boleh diatasi melalui bantuan keperluan sokongan kepada saudara baru yang boleh disalurkan melalui sumbangan bantuan NGO. Dengan itu, penulisan ini diketengahkan bagi memerihalkan peranan dan penglibatan HCF sebagai salah satu NGO yang bergiat aktif dalam aktiviti kesukarelawanan dan pusat sokongan saudara baru, menghulurkan bantuan Covid-19 kepada saudara baru di Sabah.

### **Keperluan Sistem Sokongan kepada Saudara baru**

Saudara baru sememangnya memerlukan sistem sokongan kerana mereka menghadapi pelbagai bentuk permasalahan. Dalam hal ini Khadijah et al. (2017) menyatakan permasalahan yang dihadapi saudara baru menuntut sistem sokongan dan jaminan spiritual dan fizikal kerana pertukaran agama melibatkan proses transformasi pelbagai aspek kehidupan dan memerlukan kekuatan mental dan hubungan sosial yang baik dengan kedua-dua komuniti Muslim dan bukan Muslim. Jaminan dan sokongan seumpama ini mendorong ke arah pengukuhan dan pemuliharaan akidah tauhid yang baru berputik dalam jiwa seorang penganut Islam yang bergelar saudara baru. Ringkasnya, saudara baru memerlukan sistem sokongan yang padu dan ampuh daripada Muslim asal agar mereka tidak menanggung beban masalah secara bersendirian. Salah satu daripada sistem sokongan yang mereka perlukan dan boleh perolehi ialah sokongan NGO yang prihatin tentang hal ehwal kebijakan dan memahami cabaran dan dilema yang mereka hadapi sebagai saudara baru. Sebagaimana yang dinyatakan oleh James Laeng (2014), NGO merupakan rakan sinergi kepada Majlis dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri yang menghadapikekangan masa dan sumber tenaga manusia. Dengan itu, penggembangan tenaga dan hubungan kerjasama antara kedua-dua agensi (jabatan agama dan NGO) dalam memenuhi keperluan spiritual dan kebijakan saudara baru di Malaysia adalah suatu perkara mendesak dan perlu dilaksanakan secara sistematik dan bersungguh-sungguh (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018).

Bagi saudara baru di Malaysia, Siti Adibah & Siti Zubaidah (2018) menyatakan terdapat lima keperluan utama yang seharusnya dipenuhi dan diuruskan oleh pihak yang bertanggungjawab; iaitu identiti, pendidikan dan bimbingan agama, kewangan dan kebijakan, dakwah dan kaunseling serta perundungan. Pertama, identiti yang dimaksudkan termasuklah mendapatkan nama yang sesuai dan perolehan kad atau sijil pemelukan Islam yang sah setelah proses pengislaman dan pendaftaran. Perolehan kad atau sijil perakuan pemelukan Islam dapat menjadi bukti muktamad apabila timbulnya sebarang pertikaian terhadap status agama saudara baru tersebut sama ada semasa mereka masih hidup atau selepas meninggal dunia. Kedua, pendidikan dan bimbingan agama juga amat diperlukan oleh seseorang saudara baru yang berpindah daripada formal conversion kepada practical conversion (Azaruddin & Khadijah, 2015). Pendidikan dan bimbingan ini boleh diperolehi melalui penglibatan dalam kelas-kelas yang disediakan sama ada daripada agensi Islam mahupun NGO.

Penglibatan NGO dalam menyediakan pendidikan dan kelas bimbingan agama dapat dilihat melalui program beberapa NGO di Malaysia. Kajian James Laeng (2014) menunjukkan Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN) iaitu, NGO yang berkaitan pembangunan saudara baru telah memaparkan beberapa pencapaian dalam pembangunan pendidikan anak-anak saudara baru. Misalnya, Kelab Haluan Fitrah (KHF) di Perak yang memfokuskan kepada anak-anak Orang Asli di peringkat sekolah rendah (tahun 4-6 Muslim dan non-Muslim) melalui program anak angkat dengan memberi kesedaran kepada ibu bapa pelajar agar mereka mahu melepaskan anak mereka untuk tinggal di asrama. Program ini juga

memberi kesedaran kepada pelajar tentang nilai-nilai hidup sebagai pelajar, kebersihan diri, disiplin dan membentuk sikap yang betul untuk menuntut ilmu. Hasil daripada penglibatan sukarelawan HALUAN dari tahun 2004 hingga 2006, akhirnya sekolah berkenaan berjaya mencatatkan dua pelajar lulus dalam UPSR yang sebelum ini tidak pernah mencatatkan sebarang kelulusan dalam ujian tersebut. Projek kolaborasi HALUAN bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) ini akhirnya diambil alih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala kelas bimbingan fardu ain kepada saudara baru yang dikendalikan oleh MACMA menjadikan bahasa ibunda saudara baru sebagai bahasa pengantar seperti Bahasa Cina, Bahasa Siam dan sebagainya (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Penglibatan NGO melalui aktiviti pendidikan ini tidak hanya mempamerkan kerjasama dengan agensi kerajaan sebagai rakan sinergi tetapi juga memperlihatkan sokongan dan keprihatinan sehingga memberi impak positif terhadap komuniti saudara baru.

Keperluan sokongan yang ketiga ialah aspek kewangan dan kebajikan. Kehidupan pasca-konversi disifatkan sebagai satu kehidupan yang begitu mencabar kepada saudara baru. Siti Adibah & Siti Zubaidah (2018) menyatakan kebanyakan saudara baru akan terdedah kepada krisis kehidupan dan kewangan rentetan dihalau keluarga, dibuang kerja, dipulau oleh rakan dan sebagainya. Dengan itu, bantuan kewangan dan bukan wang amat diperlukan bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka. Bantuan kewangan lazimnya diperoleh melalui pemberian wang sagu hati pemelukan Islam dan elaun kehadiran ke kelas bimbingan agama. Manakala, bagi bantuan bukan wang pula lazimnya diberikan dalam bentuk makanan keperluan asas, pakaian, tempat perlindungan, bantuan perubatan dan sebagainya. Saudara baru sebagai salah satu asnaf akan memperoleh hak zakat melalui peruntukan daripada sistem agihan zakat.

Keempat, aktiviti dakwah dan kaunseling diperlukan bagi menguatkan semangat mereka yang dilihat masih lagi goyah lantaran cabaran dan tekanan hidup yang dilalui dalam alam baru. Dakwah secara berhikmah dapat dilakukan melalui kaedah susulan (follow up) secara berkala sama ada dengan berziarah ke rumah saudara baru untuk mengetahui keadaan semasa mereka. Selain itu, penganjuran program dua hala yang dapat membina tautan ukhuwah sesama saudara baru juga dapat menguatkan lagi keyakinan mereka untuk berpegang teguh kepada Islam (James Laeng@Jamaluddin & Yusman, 2014). Kaunseling juga diperlukan sebagai plarform meluahkan perasaan dan menyelesaikan kekusutan yang dihadapi saudara baru. Kajian mendapati kaunseling dapat menyelesaikan kebanyakan masalah saudara baru yang ingin meninggalkan agama Islam (Nor Ashikin & Siti Zubaidah, 2017).

Kelima, perundangan yang lengkap dan perkara ini dijelaskan secara terperinci oleh Siti Adibah & Siti Zubaidah (2018) bahawa peruntukan pemelukan Islam dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri dan juga Kaedah atau Peraturan sememangnya telah wujud sebagai panduan dalam mentadbir urus perihal saudara baru di setiap negeri di Malaysia. Meskipun begitu, masih terdapat beberapa kelompongan khususnya berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah dalam soal penentuan status agama saudara baru terutamanya selepas kematian dan peruntukan mengenai keluar dari agama Islam. Bahkan, isu yang lebih kritikal lagi apabila terdapat konflik perundangan dalam soal pembubaran perkahwinan terdahulu saudara baru bersama pasangan bukan Islam, hak penjagaan anak dan penentuan status agama anak saudara baru.

Sekiranya dilihat daripada keperluan saudara baru di atas, boleh dikatakan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab untuk memenuhi keperluan tersebut tidak mampu dipikul oleh pihak agensi agama semata-mata. Ia memerlukan kolaborasi, kerjasama dan jaringan bantuan daripada NGO yang terlibat secara langsung dengan golongan sasar, iaitu saudara baru. Peranan sukarelawan dalam mana-mana NGO begitu penting. Marwan et al. (2017) menyatakan NGO berperanan sebagai innovator dan perintis dalam mencari peluang baru menawarkan perkhidmatan kepada sesuatu permasalahan masyarakat dan kerajaan memerlukan kerjasama NGO yang bekerja secara langsung dengan komuniti yang kurang bermasib baik. Dengan itu, kedua-dua agensi kerajaan dan NGO perlu saling berganding baru, bekerjasama dan saling melengkapi dalam memenuhi segala keperluan saudara baru bagi memastikan mereka tidak merasa terasing daripada komuniti Muslim. Keterlibatan NGO dengan hal ehwal kebajikan saudara baru secara tidak langsung dapat memberi sokongan psikologi kepada saudara baru untuk menjiwai cara hidup Islam sebenar sebagaimana masyarakat Muslim lain. Hal inilah yang cuba diketengahkan oleh Hidayah Centre Foundation (HCF) yang bergiat aktif

dalam aktiviti kesukarelawanan melalui penglibatan mereka dalam program kebajikan dan sumbangan bantuan ekonomi disalurkan kepada saudara baru di beberapa daerah di pedalaman Sabah.

## METODOLOGI


Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan reka bentuk analisa kandungan teks daripada laporan tahunan HCF dan maklumat temu bual atau wawancara bersama informan utama (key-informant) HCF. Analisa teks laporan tahunan HCF 2014 sehingga 2019 menjadi panduan utama bagi memahami dan menghuraikan sejarah penubuhan, objektif organisasi dan aktiviti yang dijalankan khususnya aktiviti yang melibatkan saudara baru. Selain itu, pengumpulan data di lapangan turut dijalankan yang melibatkan temubual bersama kepimpinan HCF di beberapa cawangan di Sabah. Seramai lapan orang key-informant terlibat dalam sesi temubual mendalam yang diadakan secara bersemuka dan secara atas talian (google meet). Pemilihan informan ini dilihat menepati kajian ini kerana mereka adalah orang yang berautoriti dan terlibat secara langsung bersama saudara baru di Sabah. Boleh dikatakan mereka adalah aktivitis di lapangan yang mengetahui latar belakang saudara baru di setiap kawasan penempatan saudara baru. Pemilihan lokasi penempatan saudara baru ini adalah berdasarkan lokasi cawangan HCF di Sabah, iaitu Kota Kinabalu, Bundu Tuhan, Papar, Kota Marudu, Pagalungan, Beluran dan Keningau. Analisis data diolah berdasarkan analisis deskriptif berpandukan sumber maklumat yang diperoleh daripada sesi temu bual dan penelitian laporan tahunan HCF (2014-2019) serta paparan aktiviti atas talian di media sosial yang menjelaskan kegiatan HCF di Sabah.

### **Penglibatan Hidayah Centre Foundation (HCF) dalam Program Menyantuni Saudara baru**

HCF pada mulanya dikenali sebagai HC (Hidayah Centre) merupakan sebuah unit yang ditubuhkan pada tahun 2005 sebagai sebuah pusat sokongan saudara baru berdasarkan moto “Saudara baru, Amanah Bersama”. Pada awal penubuhannya, visi HC ialah berusaha menjadi badan dakwah NGO yang menyediakan program sokongan dan menjaga hal ehwal kebajikan saudara baru (Laporan Tahunan HCF, 2015). Bermula pada 29 Februari 2012, HC bertukar nama kepada HCF atau Hidayah Centre Foundation yang telah diperbadankan sebagai sebuah Yayasan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan moto baru, “Sampaikan Islam, Santuni Saudara baru” (Laporan Tahunan HCF, 2019)

Objektif penubuhan HCF ialah menyebarkan mesej sejagat tentang keindahan dan kebenaran Islam; menjadi penghubung di antara pelbagai komuniti agama dan etnik di Malaysia; memperbetul salah tanggapan dan prejudis agama Islam ke arah pembentukan masyarakat harmoni; memberi sokongan dan bantuan yang disisihkan disebabkan kepercayaan agama mereka; dan meraih sokongan dan sumbangan daripada masyarakat umum (Laporan Tahunan HCF, 2019). Cawangan HCF boleh ditemui di mana-mana bangunan rumah kedai yang tertera dengan nama HCF Pusat Sokongan Saudara baru (New Reverts Support Centre). Rajah 1 menunjukkan carta organisasi HCF cawangan Sabah yang ditadbir urus oleh Pengurus dan Pegawai Eksekutif Dakwah di tujuh cawangan iaitu, Kota Kinabalu, Kota Marudu, Papar, Keningau, Beluran, Pagalungan dan Bundu Tuhan. Lima daripada cawangan ini terletak di bahagian pedalaman Sabah (Kota Marudu, Keningau, Beluran, Pagalungan dan Bundu Tuhan).

Rajah 1: Carta Organisasi HCF Cawangan Sabah 2019



Sumber: Laporan Tahunan HCF 2019

Sesungguhnya, HCF mempunyai kekuatan tersendiri sebagai NGO yang aktif membantu dan memberi sokongan kepada saudara baru, berkongsi mesej Islam sejagat dan memperbetulkan kesalahfahaman terhadap Islam kepada seluruh lapisan masyarakat. Program outreach yang mereka jalankan tidak hanya melibatkan saudara baru tetapi juga keluarga saudara baru yang bukan Muslim serta masyarakat sekeliling bersesuaian dengan konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Pemilihan HCF sebagai subjek kajian bagi meneliti penglibatan dan sumbangan mereka terhadap saudara baru sepanjang pandemik Covid-19 adalah berdasarkan beberapa justifikasi yang menonjolkan kekuatan HCF sebagai salah satu NGO Islam di Malaysia. Antara kekuatan HCF ialah struktur kepimpinan dalam Lembaga Pemegang Amanah diterajui barisan profesional yang berpengalaman dalam pelbagai bidang. Misalnya, Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar (Presiden UIAM), Datin Paduka Che Asmah Ibrahim (Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara) serta beberapa tokoh profesional lain. Dalam tempoh lapan tahun (2012-2020), HCF telah meluaskan cawangannya meliputi seluruh negeri di Malaysia kecuali Kelantan dan Terengganu; serta tujuh cawangan di beberapa daerah terpilih di Sabah iaitu Kota Kinabalu, Kota Marudu, Papar, Keningau, Beluran, Pagalungan dan Bundu Tuhan.

HCF juga pernah memenangi beberapa anugerah di mana HCF diiktiraf sebagai Penerima Anugerah NGO Terbaik kategori Badan Bukan Kerajaan (NGO) oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan tahun 2019 (Laporan Tahunan HCF, 2019). Pengiktirafan sumbangan kerja amal ini turut dianugerahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif HCF, Tuan Haji Nicholas Sylvester yang diumumkan sebagai Penerima Anugerah Khas Semarak Cinta Rasul sempena sambutan Maulidur Rasul tahun 2020 (Samadi Ahmad, 2020). Penganugerahan seumpama ini memberi signifikan terhadap pengiktirafan HCF sebagai badan sukarelawan yang aktif dan prihatin terhadap golongan saudara baru yang memerlukan. Kekuatan lain HCF ialah penguasaan media secara meluas, tidak hanya melalui saluran laman sesawang (website) rasmi, *Facebook*, *Instagram*, *YouTube* tetapi HCF

juga mempunyai saluran TV atas talian yang dikenali sebagai HidayahTV. Atas dasar justifikasi inilah, HCF dipilih sebagai subjek kajian bagi meneliti penglibatan dan sumbangan mereka sebagai pusat sokongan kepada saudara baru khususnya program kebajikan yang dijalankan sepanjang pandemik Covid-19 di Sabah.

**Jadual 2: Program dan Aktiviti HCF Tahun 2014-2019**

<b>Misi</b>	<b>Program</b>	<b>Matlamat</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Peserta</b>
	Hari Terbuka Masjid dan aktiviti forum bersama saudara baru, sudut bergambar dengan memakai hijab, pameran bahan informasi Islam dan sebagainya	Memberi peluang kepada masyarakat bukan Islam mendekati dan memperolehi pengetahuan mengenai Islam dan menjadikan masjid sebagai suatu tempat yang mesra didekati	22 lokasi di Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur, Melaka, Pahang dan Sarawak	763 tetamu bukan Islam
	Aktiviti Sampaikan Risalah Islam (ASRI)/Hidayah Harmony Outreach Dakwah	Mendekati masyarakat dan membuat kaji selidik berkaitan kefahaman agama dan menjawab salah faham terhadap Islam		
	Dakwah Lapangan (street dakwah)	mendekati masyarakat luar secara tidak formal, santai dan berkongsi buah fikiran, ilmu, pengalaman serta pandangan hidup bermasyarakat	2014 – 7 program (Pulau Pinang, Kuantan, Johor Bharu, Kuatan,Selangor, Pulau Pinang, Melaka	1413 peserta telah dilatih melalui kursus ASRI
			2019- 28 program di seluruh negara	
Menyampaikan Islam	Forum Harmoni	untuk memberi kefahaman berkaitan kepercayaan agama lain dengan menjemput penceramah daripada pakar-pakar pelbagai agama. Penganjuran program ini merupakan satu pendekatan Muhibbah yang diaplikasi di HCF bagi membina keharmonian kaum serta mendekatkan jurang hubungan antara pelbagai bangsa dan agama.	2014 – 3 program di USM (Penang), UMP (Gambang Pahang) dan UPM (Serdang)	
	Tadau Kaamatan Harmoni	mengetengahkan budaya Momogun Muslim (Kadazan, Dusun, Murut, Rungus, Sungai dan semua sub-etnik berkaitan) yang selari dengan norma Islam. Antara aktiviti yang diadakan seperti pesta makanan, sukan rakyat, pameran kraftangan, pertandingan bercirikan identiti dan budaya masyarakat pribumi Sabah.	Tahun 2014 – Dewan Serbaguna, Kg. Pulau Penampang	Lebih 5000 tetamu dan 500 tetamu bukan Islam
	Kupi-Kupi	Bertujuan menyantuni keluarga saudara baru yang bukan Islam di kediaman mereka. Kupi-kupi ini dijalankan dalam skala kecil di mana keluarga mahupun	Tahun 2019 - 14 lokasi di Kota Marudu, Kundasang, Papar, Tuaran, Tamparuli, Sook, Matunggong, Ranau, Kuala Penyu, Tambunan, Tenom, Kudat, Selangor dan Kota Kinabalu	Tujuh pejabat cawangan HCF Sabah menjalankan program ini

	kenalan dapat bertanya terus mengenai agama Islam. Kupi-kupi ini bersifat sembang secara santai agar ahli keluarga saudara baru tidak kekok bertanya tentang agama Islam. Program ini sangat membantu usaha membetulkan salah faham terhadap Islam.	
Kelas Bimbingan Saudara baru	Untuk membimbing saudara baru dalam memahami, mempelajari, menghayati dan mengamalkan agama Islam.	Diadakan di semua negeri kecuali (Kelantan dan Terengganu) dan semua cawangan di Sabah (42 lokasi kelas)
		Tahun 2017 - 847 pelajar; 40 kelas)
		Tahun 2019 - 607 pelajar; 42 kelas)
Program Pembangunan Ekonomi dan Bantuan	Memberi bantuan modal perniagaan kepada saudara baru yang hilang pekerjaan mahupun yang ingin berdikari dalam memulakan hidup baru. Antara bantuan perniagaan yang diberikan adalah seperti bantuan modal tunai dan pembelian peralatan untuk memulakan perniagaan.	2016- pelancaran program bantuan niaga mualaf zon utara (Kedah)  2017 – Bengkel kereta Grab Car, Restoran, Perniagaan Roti, Perniagaan Dimsum dan Perniagaan Kuih Raya
Sokongan Saudara baru		
Ziarah Saudara baru	Diadakan secara berkala bagi memantau perkembangan saudara baru	50 pusat operasi HCF
		Tahun 2017- 2699 tetamu, 1747 saudara baru dan 243 bukan Islam
Majlis Iftar Perdana Hidayah Centre	untuk meraikan saudara baru dan keluarga mereka yang bukan Islam.	Program tahunan di seluruh negara
		Tahun 2018- 2253 tetamu (1944 saudara baru dan 135 bukan Islam)
		Tahun 2019 - 2699 tetatmu; 1747 saudara baru dan 243 bukan Islam
Qurban untuk Mualaf	Anjuran tahunan bertujuan memberikan pendedahan	2014 – 4 lokasi di Sabah dan 1 Sarawak

mengenai ibadah Qurab dan meraikan Aidiladha	2017 – 13 majlis qurban (Sabah, Melaka, Kedah Pulau Pinang, Selangor)	944 saudara baru, 113 bukan Islam, 182 fakir miskin. Jumlah penerima manfaat 1239 dan 20 buah keluarga
	2018- Sabah, Sarawak, Melaka dan Pahang	Penerima manfaat - 3353 orang
	2019- Sabah, Sarawak, Perak, Melaka dan Pahang	Penerima manfaat 4450

Sumber: Laporan Tahunan HCF 2014-2019

Jadual 2 menunjukkan program dan aktiviti terpilih HCF sepanjang tahun 2014-2019. Berdasarkan penelitian Laporan Tahunan HCF 2014-2019, kajian mendapati misi, “Sampaikan Islam, Santuni Saudara baru” direalisasikan melalui beberapa program dan aktiviti yang tidak tertumpu kepada satu kumpulan sasar sahaja tetapi juga merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai etnik dan agama. Program sampaikan Islam mensasarkan semua lapisan masyarakat yang melibatkan Muslim dan bukan Muslim melalui aktiviti seperti Hari Terbuka Masjid, Hidayah Harmony Outreach Dakwah, Dakwah Lapangan (street dakwah), Forum Harmoni, Tadau Kaamatan Harmoni dan Kupi Kupi. Program sokongan saudara baru pula dapat dilihat melalui aktiviti kelas bimbingan, program pembangunan ekonomi dan bantuan, ziarah, Majlis Iftar Perdana dan agihan daging Qurban. Aktiviti ini turut mensasarkan penglibatan bukan Muslim khususnya dari kalangan ahli keluarga saudara baru yang belum memeluk Islam. Penglibatan mereka diraih bersama melalui aktiviti Majlis Iftar Perdana dan agihan daging Qurban. Melalui pendekatan sebegini, HCF mengharapkan dapat membetulkan salah faham bukan Muslim terhadap agama Islam dan mempamerkan keindahan Islam. Beberapa program lain untuk meningkatkan kebajikan saudara baru seperti projek pembangunan infrastruktur di kawasan pedalaman, menyediakan rumah transit, Bicara Hidayah dan Ansar Inisiatif. Boleh dikatakan program dan aktiviti yang dijalankan menggunakan pendekatan muhibah dan penekanan program lebih bersifat santai, dekat di hati dan memenuhi kehendak masyarakat setempat seperti aktiviti Kupi-Kupi dan Tadau Kaamatan Harmoni yang sememangnya menepati cita rasa masyarakat Sabah.

Penglibatan HCF cawangan Sabah dalam mengendalikan hal ehwal saudara baru dapat dilihat melalui penglibatan mereka secara langsung dalam program pengislaman di seluruh cawangan HCF di Sabah serta penyediaan kelas bimbingan saudara baru. Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan laporan HCF cawangan Sabah yang melibatkan program pengislaman dan kelas bimbingan saudara baru yang dikendalikan di seluruh cawangan HCF di Sabah sepanjang tahun 2013 hingga 2019. HCF cawangan Kota Marudu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 mencatatkan daftar pengislaman tertinggi iaitu, 1382 orang sepanjang tujuh tahun (2013-2019). HCF Pagalungan dan HCF Beluran yang mula beroperasi tahun 2017 telah memperlihatkan kesan yang begitu ketara apabila daftar pengislaman mencatatkan jumlah 250 orang dan 425 orang sepanjang tiga tahun (2017-2019) (Temu bual bersama En. Johannes Lukas, 10 Disember 2020). Jadual 4 menunjukkan aktiviti kelas bimbingan yang diikuti oleh saudara baru di mana HCF Papar mencatatkan jumlah tertinggi penyertaan iaitu 256 orang dan diikuti HCF Keningau sebanyak 201 kelas sepanjang tahun 2013 hingga 2019. Hal ini menunjukkan

keaktifan dan kesungguhan HCF dalam mengurus tadbir hal ehwal saudara baru di seluruh cawangan HCF di Sabah.

**Jadual 3: Daftar Pengislaman yang dijalankan HCF cawangan Sabah  
Tahun 2013-2019**

HCF Cawangan	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	Jumlah
Kota Kinabalu	40	50	18	124	178	260	495	1165
Papar	120	124	78	116	449	220	153	1260
Bundu Tuhan	2	14	5	16	126	401	97	661
Keningau	60	50	39	40	163	384	469	1205
Kota Marudu	0	100	26	41	578	356	281	1382
Pagalungan	0	0	0	0	104	78	68	250
Beluran	0	0	0	0	189	187	49	425
Jumlah	222	338	166	337	1787	914	1132	6348

Sumber: Temu bual bersama Tn. Johannes Lukas, 10 Disember 2020

**Jadual 4: Kelas Bimbingan Saudara baru di HCF cawangan Sabah Tahun 2013-2019**

HCF CAWANGAN	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	Jumlah
Kota Kinabalu	30	48	10	11	27	6	46	178
Papar	80	72	12	24	20	32	16	256
Bundu Tuhan	4	0	0	8	10	3	27	52
Keningau	30	55	18	18	9	28	43	201
Kota Marudu	0	88	10	16	10	10	7	141
Pagalungan	0	0	0	0	7	1	0	8
Beluran	0	0	0	0	11	4	4	19
Jumlah	144	263	50	77	94	84	143	855

Sumber: Temu bual bersama Tn. Johannes Lukas, 10 Disember 2020

**Jadual 5: Agihan Perbelanjaan Mengikut Tahun 2014-2019**

Agihan Perbelanjaan (%)	Tahun					
	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Sokongan Saudara baru	41%			26%	25%	37%
Pengurusan	22%			19%	9%	13%
Program Dakwah	35%	tiada agihan peruntukan dicatatkan	tiada agihan peruntukan dicatatkan	34%	33%	30%
Latihan dan Pengkaderan/Latihan Mualaf & Daie	2%			21%	26%	18%
Pembangunan Infrastruktur	0			0	7%	2%

Sumber: Laporan Tahunan HCF 2014-2019

Berdasarkan Laporan Tahunan HCF tahun 2014 hingga 2019 dalam Jadual 5 menunjukkan peruntukan perbelanjaan HCF diagihkan kepada lima komponen dan dua daripada komponen tersebut dikhususkan kepada saudara baru. Tahun 2014 mencatatkan agihan perbelanjaan tertinggi bagi sokongan saudara baru di seluruh HCF di Malaysia. Hal ini menunjukkan kesungguhan HCF dalam memberi bantuan dan sokongan kepada saudara baru yang sememangnya menjadi salah satu fokus utama HCF. Melalui agihan peruntukan inilah, sumbangan HCF dapat disalurkan kepada saudara baru khususnya bantuan Covid-19 sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

## Program HCF dan Sumbangan Bantuan Covid-19 kepada Saudara baru di Sabah

Bagi menjelaskan penglibatan HCF dan bantuan Covid-19 kepada saudara baru, perbincangan dalam makalah ini akan memfokuskan tiga program HCF iaitu aktiviti Ziarah Saudara Baru, Kupi-Kupi serta bantuan modal ekonomi. Program Ziarah Saudara baru diadakan secara berkala bagi memantau perkembangan saudara baru terutamanya golongan yang kurang berkemampuan. Tujuan ziarah ini ialah sebagai tanda sokongan, menyelami permasalahan dan meringankan beban sara hidup yang ditanggung oleh saudara baru. Berdasarkan Laporan Tahunan HCF 2019, lebih 1000 keluarga saudara baru di seluruh Malaysia telah diziarahi dan aktiviti ini digerakkan oleh para sukarelawan HCF agar dapat membina hubungan ukhuwah dengan saudara baru. Setiap saudara baru yang diziarahi akan menerima sekotak ‘Muallaf Aid’ sebagai hadiah dan bantuan untuk keperluan harian mereka (Laporan Tahunan HCF, 2019).

Gambar 1: Program Ziarah Saudara baru di Kg. Putaton, Penampang



Sumber: Laporan Tahunan HCF, 2016

Program ziarah saudara baru di Sabah yang lazim diadakan di setiap cawangan dapat dilihat di beberapa kawasan seperti ziarah komuniti saudara baru di Kg. Himbaan, Kg. Bundu Tuhan (Laporan Tahunan HCF, 2014), Kg. Pinampadan (Laporan Tahunan HCF, 2017) dan Kg. Perancangan, Ranau (Laporan Tahunan HCF, 2018), Kg. Asin-Asin, Kota Marudu (Laporan Tahunan HCF, 2018). Pada 18 Ogos 2020, HCF kawasan Beluran menziarahi penduduk Kg. Atog, Sugut yang kebanyakannya belum menganut sebarang agama. Lokasi yang dituju agak jauh dan terpencil dan bot merupakan satu-satunya pengangkutan yang tersedia untuk ke sana dengan melalui jalan sungai Sugut di Beluran (Dakwah Ke Kampung Ini Sukar, 2020. <https://hidayahcentre.org.my>)

Gambar 2: Ziarah Saudara baru di Kg. Atog, Sugut Beluran





Sumber: <https://hidayahcentre.org.my/2020/08/18/dakwah-ke-kampung>

Jadual 6: Ziarah dan Susulan Saudara baru HCF cawangan Sabah  
Tahun 2013-2019

HCF Cawangan	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	Jumlah
Kota Kinabalu	0	0	0	113	134	118	157	522
Papar	0	0	30	67	421	127	29	674
Bundu Tuhan	0	0	0	0	118	181	122	421
Keningau	6	67	39	106	110	146	135	609
<b>Kota Marudu</b>	<b>0</b>	<b>10</b>	<b>12</b>	<b>38</b>	<b>576</b>	<b>242</b>	<b>514</b>	<b>1392</b>
Pagalungan	0	0	0	0	96	17	45	158
Beluran	0	0	0	0	187	83	130	400
Jumlah	6	77	8	324	1642	914	1132	4176

Sumber: Temu bual bersama Tn. Johannes Lukas, 10 Disember 2020

Jadual 6 menunjukkan aktiviti ziarah dan susulan (follow up) saudara baru di seluruh HCF cawangan Sabah sepanjang tahun 2013 hingga 2019. Sebanyak 4176 aktiviti ziarah dan susulan telah dijalankan sepanjang tujuh tahun dan tahun 2017 mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 1642. Daerah Kota Marudu mencatatkan jumlah tertinggi aktiviti ziarah dan susulan iaitu 1392 ziarah. Berdasarkan temu bual bersama En. Harmi Junick, Pegawai Eksekutif HCF Kota Marudu, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan program ziarah mencatatkan bilangan tertinggi. Antaranya ialah faktor jaringan strategi HCF Kota Marudu yang sentiasa membina hubungan rapat dengan agensi agama seperti JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah) cawangan Kota Marudu, orang-orang berpengaruh, ketua kampung, jemaah dan imam masjid. Melalui jaringan kerjasama ini, program ziarah dijalankan bagi menyampaikan maklumat dan menyalurkan bantuan kepada saudara baru. Faktor lain ialah keaktifan penglibatan HCF Kota Marudu dengan masyarakat setempat yang melibatkan saudara baru melalui aktiviti forum harmoni, seminar dakwah masyarakat majmuk, qurban untuk saudara baru, kursus pendidikan serta keprihatinan terhadap kebajikan saudara baru dalam aspek akidah dan ekonomi. Faktor ini mendorong ziarah dilakukan kerana pertemuan secara bersempena telah sedia berlangsung melalui aktiviti tersebut yang secara tidak langsung sukarelawan HCF akan bertanya tentang permasalahan dan mencari penyelesaian dalam satu-satu kes yang dihadapi saudara baru (Temu bual atas talian bersama En. Harmi Junick, 11 November 2020).

Seterusnya ialah program Kupi-Kupi dan program ini berbeza daripada program Ziarah Saudara baru di mana sasaran Kupi-Kupi lebih menjurus kepada mendekati ahli keluarga saudara baru yang bukan Muslim. Di Sabah, adalah menjadi kelaziman saudara baru masih tinggal bersama atau tinggal serumah dengan ahli keluarga yang berbeza agama. Dalam hal ini, program Kupi-Kupi dijalankan untuk mengenali dan menyantuni ahli keluarga bukan Muslim untuk menjernihkan sebarang kesalahfahaman tentang Islam yang kini menjadi anutan agama saudara baru. Program ini

bersifat sembang secara santai agar ahli keluarga saudara baru tidak kekok bertanya tentang agama Islam. Dinamakan Kupi-Kupi kerana pada kelazimannya apabila program ziarah saudara baru dijalankan, sukarelawanan HCF akan membawa bersama makanan untuk dihidangkan bersama seluruh ahli keluarga saudara baru termasuk keluarga bukan Muslim. Dalam menjamu sajian makanan yang dihidangkan, sukarelawanan HCF akan berbual dan bercerita serba sedikit tentang pengenalan agama Islam berdasarkan konsep ASARAPK. ASARAPK merupakan akronim atau singkatan daripada A= Ada Tuhan, S= Satu, A=Al-Quran, R=Rasul, A=Akhirat dan PK= Pemegang kunci (syahadah). Pendekatan sampaikan Islam dengan cara mudah ini bersesuaian dengan situasi masyarakat kampung yang merasa lebih sesuai dengan kaedah bercerita kerana mereka merasa lebih dekat dan tidak merasa jurang antara kedua belah pihak (Temu bual atas talian bersama En. Dzulfikry Dumatin, 11 November 2020). Kupi-Kupi ini dijalankan dalam skala kecil di mana keluarga mahupun kenalan dapat bertanya terus mengenai agama Islam. Program ini sangat membantu usaha memperbetulkan salah faham terhadap Islam (Laporan Tahunan HCF, 2018).

Gambar 3: Program Kupi-Kupi Kg.Kaiboton, Sugut Paitan



Sumber: Laporan Tahunan HCF 2018

Dalam konteks bantuan Covid-19 kepada saudara baru, program bantuan ini telah dilaksanakan seiring dengan aktiviti yang telah sedia dijalankan sebelum ini sama ada melalui program Ziarah Saudara baru, Kupi-Kupi dan bantuan modal ekonomi. Dana bantuan diperoleh daripada HCF Pusat (Selangor) dan bantuan Pusat Zakat setiap tahun di bawah peruntukan operasi memperkasa Saudara baru (Temu bual bersama Zulazrie dan Zulfikar, 11 November 2020). Berdasarkan temu bual atas talian yang dijalankan bersama Pegawai Eksekutif Dakwah di setiap cawangan HCF di Sabah, laporan aktiviti bantuan Covid-19 dipaparkan dalam Jadual 7.

**Jadual 7: Bantuan Covid-19 kepada Saudara baru di seluruh HCF Cawangan Sabah tahun 2020**

HCF Cawangan	Lokasi	Jenis Bantuan	Jumlah Penerima	Tarikh
Pagalungan	Kg. Sabinait Kg. Buntung Kg. Tinanduk Kg. Sigatal Kg. Sumaralang Kg. Buntulon Kg. Tumalasak Kg. Sumakikiew Kg. Pagalungan Kg. Silungai. Kg. Sabibingkol Kg. Sasandukon	Bantuan covid 19 (barang keperluan asas)	98 penerima	29/3/2020
Papar	Kg. Belatik Kg. Kabaang Kg. Tabasan Kg. Sapat Kg. Nyaris-Nyaris Kg. Sumbuling (Bongawan)	Bantuan Covid-19 (wang tunai RM100 dan barang dapur bernilai RM100 = RM200)	Fasa I 23 penerima (Fasa II 8 penerima 32 penerima  16 penerima  25 penerima  34 penerima  -petani, peniaga kecil, pekerja kontrak	18 April 2020  29 Okt 2020 20 Nov. 2020  22 Nov 2020 25 Nov 2020  26 Nov 2020
Kota Marudu	Kg. Kotud  Kg. Tarangkapas Kg. Morion	Bantuan kewangan (RM150 individu dan RM300 berkeluarga)  Bantuan Covid-19	20 penerima -kerjasama dengan Pusat Zakat  30 penerima -kerjasama Jheains Kota Marudu  30 penerima -kerjasama Jheains Kota Marudu	20 Mac 2020  5 Okt. 2020

	KG. Korongkom Kg. Damai	(barangan dapur)	15 penerima	
	Kg. Asin-Asin Kg. Korongkom	Bantuan Covid-19 (barangan dapur)	20 penerima -kerjasama dengan Jheains Kota Marudu dan KWSP	30 Okt. 2020
	Kg. Sumbilingon Kg. Popok Laut	Bantuan Covid-19 (barangan dapur)	Kota Marudu	31 Okt. 2020
	Kg. Goruntung Kg. Sumbilingon Laut Kg. Lampada Kg. Marudu Laut Kg. Tambun	Bantuan Covid-19 (barangan dapur)	80 penerima -kerjasama dengan Pertubuhan Kasih Umat Malaysia (Ebit Liew)	7 Nov. 2020
Kota Kinabalu	PPR Gayang Ria PPR Sri Indah Taman Sri Maju Rugading Kg Numbak Kg Delima, Kg Suang Parai, Kg Bakau Kg Saga Kg Bogoont Kg Kenangan Silam Kg Kolombong Kg Panjut Tuaran Kg Telipok Ria PPR Sri Serigai Putatan	Bantuan Covid-19 (RM200 disalurkan melalui bank in dan barangan dapur)	30 penerima wang tunai	1 Nov. 2020
Keningau	Kg. Nantabakan Kg. Tigasa Kg. Toboh Baru Kg. Apin-Apin Kg. Bingkor Kg. Pagar-Pagar	Bantuan kewangan dan keperluan dapur	64 penerima	18 Mei 2020 (Fasa I) 20 Jun 2020 (Fasa II)

Sumber: Temubual atas talian bersama Pegawai Eksekutif Dakwah HCF cawangan Sabah,  
11 November 2020

Gambar 4: Bantuan Covid-19 di cawangan HCF Pagalungan



Sumber: Ihsan daripada Ismail Bulinta Abdullah, 11 November 2020

Bantuan modal ekonomi turut disediakan kepada saudara baru yang berpotensi. Modal ekonomi merupakan bantuan modal perniagaan kepada saudara baru yang hilang pekerjaan mahupun yang ingin berdikari dalam memulakan hidup baru. Antara bantuan perniagaan yang diberikan seperti bantuan modal tunai dan pembelian peralatan untuk memulakan perniagaan. Misalnya, pada tahun 2020 HCF membantu menyediakan kertas kerja kepada saudara baru untuk mendapatkan bantuan modal perniagaan daripada Pusat Zakat. Saudara baru ini berjaya mendapat bantuan modal ekonomi berupa peralatan menjahit dan kini beliau aktif mengusahakan perniagaan jahitannya di Kg. Pulau Penampang, Kota Kinabalu. HCF Kota Kinabalu turut menyediakan modal perniagaan dengan memberi bantuan modal untuk membuka kedai runcit kepada seorang saudara baru di Kinabatangan. Peruntukan sebanyak RM10,000 modal disediakan dengan bayaran bulanan dikenakan kepada peniaga mengikut kemampuan mereka. Sementara itu di Bundu Tuhan, sukarelawan HCF menghulurkan bantuan memasarkan hasil jualan sayur-sayuran di Kundasang melalui kaedah pemasaran atas talian (digital marketing) menggunakan aplikasi Whatsapp (Temu bual bersama En. Hissham Suherman dan Mohd. Zulfika Sahinin, 11 November 2020).

## KESIMPULAN

Kajian mendapati usaha yang dilakukan oleh HCF yang terlibat dalam misi “Sampaikan Islam, Santuni Saudara baru” melalui program Ziarah Saudara baru, Kupi-Kupi dan bantuan modal ekonomi telah memberi kesan positif kepada individu dan keluarga saudara baru dalam menghadapi kesukaran mendapatkan makanan asas dan masalah kewangan. Impak kajian mendapati program santunan saudara baru yang dijalankan di cawangan HCF Sabah akibat pandemik Covid-19 tidak hanya memperkenalkan keprihatinan HCF melaksanakan tanggungjawab sosial tetapi juga dapat meningkatkan kesejahteraan komuniti saudara baru di pedalaman Sabah.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dijalankan dengan bantuan geran Penyelidikan Dana Khas Universiti Malaysia Sabah Kod Projek SDK0205-2020.

## RUJUKAN

- Anuar Puteh, Ideris Endot, Sazliza Mat Isa, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Ahmad Irdha Mokhtar & Noraini Zakaria. (2014). In Siti Rugayah Hj. Tibek, Fariza Md. Sham & Muhammad Hilmi Jalil (Eds.), *Pembangunan Dakwah Mualaf*. Instituti Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azaruddin, A., & Khadijah, M. K. (2015). Faktor Pemelukan Agama Islam: Kajian terhadap Komuniti Saudara Muslim Cina di Negeri Terengganu. *MANU*, 22, 21–45.
- Dakwah Ke Kampung Ini Sukar*. (2020). <https://hidayahcentre.org.my/2020/08/18/dakwah-ke-kampung-ini-sukar-silap-langkah-boleh-jadi-mangsa-buaya/>, diakses pada 15 November 2020.
- James Laeng@Jamaluddin Abdullah & Yusman Nawazir. (2014). Mendepani Cabaran Tarbiah NGO dan Kebajikan Mualaf. In Siti Rugayah Hj. Tibek, Fariza Md. Sham & Muhammad Hilmi Jalil (Eds.), *Pembangunan Dakwah Mualaf*. Instituti Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khadijah Mohd. Khambali@Hambali, Azarudin Awang, Suraya Sintang, Nur Farhana Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli, & Khairul Nizam Mat Karim. (2017). Muhajir Penjana Interaksi dan Toleransi Beragama Saudara Baru-Muslim-Non-Muslim. *Akademika*, 87(2), 63–76. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-05>
- Laporan Tahunan HCF*. (2014).
- Laporan Tahunan HCF*. (2015).
- Laporan Tahunan HCF*. (2017).
- Laporan Tahunan HCF*. (2018).
- Laporan Tahunan HCF*. (2019).
- Marwan Ismail, Kevin Fernandez, Nik Yusri Musa, Noorhisyam Md. Nawi, 2017. Inovasi Sosial dalam Program Pembangunan Komuniti NGO-Berkebajikan Melayu Islam di Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN2017)*, Ayer Keroh, Melaka, 1-2 November.
- Nor Ashikin Md. Nasir & Siti Zubaidah Ismail. (2017). Mengisyiharkan Status Agama Dalam Kes Permohonan Keluar Islam : *KANUN*, 26(1), 1–36.
- Nor Raudah Siren. (2015). Isu Saudara Baru Dalam Media Islam. *Jurnal Usuluddin, Volume 11*(Issue 11), 67–78.
- Samadi Ahmad. (2020). *Mustapha Ahmad Merican penerima Anugerah Utama Semarak Cinta Rasul*. BH Online 29 Oktober 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/>, diakses pada 13 November 2020.
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. (2018). Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Journal of Usuluddin*, 46(2), 97–122. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol46no2.4>
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. (2018). Undang-Undang Pemelukan Islam Di Malaysia Law on Conversion to Islam in Malaysia. *Jurnal Syariah*, 26(3), 301–326.
- Suraya Sintang, Kasim Mansur, Dayangku Aslinah Abd. Rahim, Sarip Adul, Dullah Muluk, & Roslinah Mahmud. (2018). “Saudara Baru” di Sabah: Isu dan Permasalahan Masakini. *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil. 30, 140–160.
- Suraya Sintang, & Khadijah Mohd. Khambali@Hambali. (2014). Saudara Baru dan Peranannya dalam Dialog antara Agama. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 20, 109–125.
- Suraya Sintang, & Khadijah Mohd. Khambali@Hambali. (2018). Double Marginality in New

Muslims' Relationship With Born Muslims and Non-Muslims. *International Journal of Humanities, Arts and Social Sciences*, 4(3), 150–159. <https://doi.org/10.20469/ijhss.4.10004-3>